

10 NOV 2001

Mahathir-Islam

PUAK ABAIKAN AJARAN ISLAM SEBENAR AKAN DITENTANG HABIS-HABISAN

DUNGUN, 10 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan menentang habis-habisan mana-mana puak di negara ini yang menentang ajaran Islam yang sebenar.

Sambil menyifatkan mereka ini sebagai pengkhianat, Perdana Menteri berkata ada pihak yang sengaja mempengaruhi pelajar supaya hanya menumpu kepada pendidikan agama dan aktif dalam kegiatan politik tertentu tetapi mengabaikan ilmu pengetahuan yang lain.

"Kita akan lawan habis-habisan dengan puak-puak yang menentang ajaran Islam ini (kerana) kita tidak mahu rakyat di negara kita kelak ditindas seperti apa yang berlaku terhadap rakyat Afghanistan," katanya ketika berucap merasmikan Hari Peneroka Negara 2001 di Padang Astaka Bandar Ketengah Jaya di sini hari ini.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gadam dan Pengerusi Felda Datuk Dr Yusof Nor.

Dr Mahathir berkata penguasaan ilmu pengetahuan selain daripada pendidikan agama adalah penting bagi mempertahankan negara dan agama itu sendiri.

Dr Mahathir berkata Islam telah mempertanggungjawabkan penganutnya untuk mempertahankan agama suci itu dengan menguasai pelbagai ilmu.

Perdana Menteri berkata dengan menguasai pelbagai ilmu, umat Islam di Malaysia bukan sahaja dapat mempertahankan negara dan agama tetapi juga membantu negara-negara Islam yang lain.

Dr Mahathir berkata beliau kesal kerana terdapat pihak-pihak tertentu yang cuba mempengaruhi pelajar agar hanya memfokuskan kepada usaha menuntut ilmu agama semata-mata dengan mengabaikan ilmu yang lain.

"Sebenarnya mereka ini mengkhianati ajaran Islam dan tidak hendak orang Islam pertahankan diri mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata perkembangan yang berlaku di negara ini seperti kewujudan puak militan yang sanggup merompak, membunuh, mengancam tempat ibadat agama lain dan cuba menjatuhkan kerajaan melalui kekerasan, tidak boleh dipandang ringan.

Katanya perbuatan puak seperti itu tidak memungkinkan negara-negara Islam dapat membangun.

"Orang seperti inilah yang mencetus huru-hara yang menyebabkan kerajaan terbabit tidak dapat tumpukan kepada pembangunan, sebaliknya habiskan masa dan duit untuk bendung kegiatan sebegini," katanya.

Dr Mahathir berharap golongan peneroka berterima kasih kepada kerajaan kerana berjaya meletakkan mereka selari dengan pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata ramai pemimpin dunia telah melawat dan melihat kejayaan Felda dan mereka ingin mengadakan rancangan sedemikian di negara mereka.

"Tetapi keupayaan mereka terhad dan tidak ada wang yang cukup," katanya.

Kira-kira 15,000 warga peneroka hadir pada majlis itu.

-- BERNAMA

MS MRA MAI